

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Beri pengecualian cukai pasang solar panel

Beri pengecualian cukai pasang solar panel

JOHOR BAHRU: Kerajaan diminta memberikan pengecualian cukai peribadi untuk pemasangan panel solar dalam belanjawan 2023 yang akan dibentang awal bulan depan bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) di negara ini.

Naib Presiden Persatuan Industri Fotovoltaik Malaysia (MPIA), Datuk Dr. Gunter Tobeng berkata, ia termasuk pengurangan cukai peribadi sebanyak RM50,000 dalam tempoh lima tahun untuk pemasangan solar panel selain perigecualian SST dan duti import untuk perniagaan berkaitan panel solar dan sistem bateri simpanan kuasa.

"Sempena dengan pembentangan belanjawan atau bajet 2023 bulan depan, MPIA telah mengemukakan cadangan melalui satu memorandum khas kepada Kementerian Kewangan.

"Kami berharap pihak kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini yang mana kami percaya ia akan menjadi pilihan kepada penggunaan tenaga boleh baharu sesuaian dengan misi dan sasaran kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis MPIA Solar Roadshow di sini, yang dirasmikan oleh Menteri Sains,



GUNTER TOBENG

Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba.

Gunter berkata, insentif cukai seperti itu akan menggalakkan lebih ramai individu dan syarikat beralih kepada TBB yang mana ia akan membantu mereka menjimatkan kos operasi jika berlaku kenaikan tarif elektrik.

"Ini bagi melindungi perniagaan mereka daripada terjejas apabila berlaku kenaikan tarif. Jika tarif elektrik tidak berubah sekali pun penggunaan solar akan dapat menjimatkan kos operasi perniagaan," katanya.

Menurut beliau, permintaan untuk tenaga bersih di negara



ini telah berkembang pesat berdasarkan kepada permintaan untuk pemasangan panel solar yang tinggi.

Lagi pula katanya, penggunaan panel solar ketika ini jauh lebih mudah berbanding dahulu, selain mereka yang terlibat menyediakan perkhidmatan itu komited memastikan industri dan orang awam mempunyai akses kepada khidmat lengkap daripada kepakaran yang terlatih dalam mengendalikan teknologi dalam industri solar yang pesat berkembang.

Gunter berkata, sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh hampir semua pemain utama dalam industri fotovoltaik negara, MPIA menyambut baik usaha kerajaan melancarkan Dasar Tenaga Negara (DTN) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

Katanya, MPIA berharap dapat memberi sumbangan ke arah merealisasikan sasaran kerajaan untuk mencapai aspirasi Negara Sifar Karbon menjelang 2050.